

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR
BILANGAN 9/1975**

=====

CONSOLIDATED ANNUAL CHARGER (CAC)

Perhatian Pemungut-Pemungut adalah ditarik tentang cara-cara yang perlu diselenggarakan apabila wang kutipan yang dikutip daripada peserta-peserta Rancangan-Rancangan Tanah mengikut Arahan Pengarah Tanah dan Galian Selangor Bil. 3/1975.

Dalam perkara ini satu peraturan yang baru dan sesuai telah dibuat dan dipersetujui oleh Pihak Odit sebagai mengganti peraturan yang dikeluarkan di perenggan 1 dalam Arahan Pengarah Tanah dan Galian Selangor Bil. 3/1975 itu seperti berikut:-

Peraturan-peraturan berikut hendaklah diikuti dan dipatuhi:

- i) Pengarah Tanah dan Galian Selangor adalah bertanggungjawab untuk menyimpan "Counterfoil Stock Books (Kew. 249);
- ii) Pengarah Tanah dan Galian Selangor akan mengeluarkan buku-buku resit (Kew. 38) kepada Pemungut-Pemungut Hasil Tanah yang berkenaan dan salinan pemberitahu itu hendaklah dihantar kepada Juru Odit untuk makluman;
- iii) Perbadanan Kemajuan Getah Malaysia Berhad (MRDC) adalah bertanggungjawab memotong Bayaran Tahunan yang disatukan (CAC) daripada peserta-peserta di Rancangan-Rancangan Tanah berkenaan. Pada awal bulan pertama MRDC hendaklah mengemukakan kepada pemungut-pemungut satu penyata potongan bersama-sama dengan cek di atas kutipan yang telah dibuat. Satu salinan penyata tersebut hendaklah dihantarkan kepada Pengarah Tanah dan Galian, Selangor untuk makluman;
- iv) Pemungut-Pemungut hendaklah mengeluarkan satu resit kepada MRDC terhadap semua wang kutipan yang diserahkan oleh MRDC dengan menggunakan resit N.C.R./ Paragon;
- v) Pemungut-Pemungut hendaklah mengeluarkan resit atas nama tiap-tiap peserta dan resit-resit itu mestilah diserahkan kepada peserta-peserta yang berkenaan melalui Penyelia-Penyelia Rancangan Tanah;
- vi) Cek-cek yang diterima daripada MRDC hendaklah dimasukkan kira-kira (Credited) kepada peruntukan Kod No. 82205 Kumpulan Wang Pembangunan (Development Fund);
- vii) Kira-kira perseorangan akan disediakan oleh Pemungut Hasil Tanah dalam sebuah buku yang sesuai (misalnya T.B.186);

- viii) Sebuah buku yang sama akan juga disimpan di Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Selangor;
- ix) Semua butir-butir yang dikemukakan di dalam penyata Oleh MIDC itu hendaklah di masukkan ke dalam buku (T.B 186) itu. Kira-kira itu mestilah disiapkan pada tiap-tiap bulan oleh Pemungut Hasil Tanah;
- x) Pemungut-Pemungut hendaklah mengambil tindakan selanjutnya menyediakan Penyata Pemungut (Collectors Statement) untuk dikemukakan kepada Bendahari Negeri Selangor. Kutipan itu hendaklah dimasukkan (Credit) kepada Kod No .82205 Kumpulan Wang Pembangunan dan satu salinan Penyata itu dihantar ke Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Selangor untuk makluman;
- xi) Upah ukur, premium dan lain-lain hendaklah diasingkan daripada jumlah yang telah dikutip hingga hari ini.

2. Pemungut-pemungut adalah bertanggungjawab untuk menyimpan kira-kira kewangan bagi Rancangan-Rancangan Tanah seperti berikut:-

- i) Buku Tunai (Cash Book);
- ii) Sajian resit untuk Odit;
- iii) Resit-resit hendaklah dimasukkan ke dalam Borang Penyata Kawalan Hasil(Return Of Controlled Revenue Forms)(Kew. 68) untuk peperiksaan Odit;
- iv) Salinan-salinan Penyata Pemungut (copy of Collector Statement) dan;
- v) Buku Daftar(T.B. 186)

3. Pengarah Tanah dan Galian, Selangor akan bertanggungjawab menyimpan buku-buku dan rekod seperti berikut:

- i) Menyimpan Buku Daftaran untuk resit-resit yang dikeluarkan kepada Pemungut-Pemungut;
- ii) Buku Daftar Kira-Kira Perseorangan (T.B.186)

4. Pemungut-Pemungut hendaklah patuh dengan cara-cara dan peraturan-peraturan yang dikeluarkan dalam arahan ini supaya semua kutipan yang diperolehi daripada Rancangan-Rancangan Tanah di Negeri Selangor ini dapat dikawal dengan licin dan teratur. (Pekeliling ini dikuatkuasakan mulai 1/9/1975).

T.T

(HAJI SULAIMAN BIN MOHD DON)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
SELANGOR

PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR
JALAN RAJA, KUALA LUMPUR

TARIKH: 6HB OGOS 1975